

BAB 1 : ANALISIS DAN TAFSIRAN PENYATA KEWANGAN UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN

- 1 Nisbah kewangan manakah yang dapat mengukur peratus pertambahan nilai kepada kos jualan?

A Margin
B Tokokan
C Nisbah semasa
D Pulangan atas modal

- 2 Maklumat yang berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Puan Maya bagi tahun berakhir 31 Disember 20X8.

	RM
Inventori awal	20 400
Inventori akhir	24 280
Belian	31 560
Jualan	47 280
Untung kasar	19 600

Berapakah peratus untung kasar atas kos jualan?

A 41.5% C 62.1%
B 55.3% D 70.8%

- 3 Maklumat yang berikut menunjukkan hasil analisis suatu nisbah keberuntungan.

Setiap jualan sebanyak RM400 akan menjana untung bersih sebanyak RM40.

Apakah nisbah tersebut?

A Margin
B Tokokan
C Pulangan atas modal
D Peratus untung bersih atas jualan

- 4 Butir-butir yang berikut dipetik daripada buku-buku Kedai Bestari.

	RM
Inventori pada 1 Januari 20X7	17 630
Inventori pada 31 Januari 20X7	14 370
Jualan	101 400
Pulangan jualan	1 400

Maklumat Tambahan

Tokokan ialah 25% atas kos jualan.

Berapakah kos jualan?

A RM80 000
B RM95 000
C RM100 000
D RM250 000

- 5 Maklumat yang berikut diperoleh daripada buku perakaunan Firma Shafiq.

Peratus untung kasar atas jualan ialah 30%

Peratusan ini menunjukkan bahawa...

A setiap RM1 kos jualan menghasilkan untung kasar 30 sen.
B setiap RM1 kos belian menghasilkan untung kasar 30 sen.
C setiap RM1 jualan bersih menghasilkan untung kasar 30 sen.
D setiap RM1 belian bersih menghasilkan untung kasar 30 sen.

- 6 Maklumat yang berikut diperolehi daripada Perniagaan Alley.

Tokokan	25%
Margin	10%

Apakah tafsiran daripada maklumat tersebut?

A Setiap RM1 kos jualan, untung kasar ialah 25 sen
B Setiap RM1 kos jualan, untung kasar ialah 10 sen
C Setiap RM1 untung kasar, untung bersih ialah 25 sen
D Setiap RM1 untung kasar, untung bersih ialah 10 sen

- 7 Maklumat yang berikut diambil daripada sebuah Perniagaan Geetha pada 30 Jun 20X3.

	RM
Modal pada 1 Julai 20X2	45 000
Untung kasar	5 400
Belanja perniagaan	1 350
Inventori pada 30 Jun 20X3	6 750

Hitung pulangan atas modal.

A 3%
B 9%
C 12%
D 15%

8. Maklumat yang berikut diambil daripada buku perakaunan Syarikat Mewangi Sdn Bhd.

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 20X8

	RM
Jualan	160 000
Tolak: Kos Jualan	(40 000)
Untung kasar	120 000
Tambah: Hasil	10 000
	130 000
Tolak: Belanja	(50 000)
Untung bersih	80 000

9. Sekiranya anda ingin membuat pelaburan dan menetapkan sasaran pulangan modal sebanyak 25%, kira modal yang diperlukan?
- A RM640 000 C RM320 000
B RM480 000 D RM160 000

9. Jadual di bawah ini menunjukkan maklumat modal yang dilaburkan dan kadar pulangan atas modal bagi empat buah firma.

Firma	Modal yang Dilaburkan (RM)	Kadar Pulangan atas Modal (%)
Lina	45 000	9
Rina	53 000	5
Nina	61 000	8
Mina	67 000	7

Firma manakah yang memperoleh untung bersih yang tinggi?

- A Firma Lina C Firma Nina
B Firma Rina D Firma Mina

10. Maklumat yang berikut ialah baki buku Megat Trading pada 31 Disember 20X2.

	RM
Perabot	24 800
Kenderaan	60 000
Akaun belum terima	82 000
Inventori akhir	98 000
Akaun belum bayar	80 000
Bank (overdraf)	40 000

Berapakah nisbah semasa perniagaan itu pada tarikh tersebut?

- A 1.5 : 1
B 2.3 : 1
C 2.7 : 1
D 3.5 : 1

13. Maklumat yang berikut diperoleh daripada Penyata Kedudukan Kewangan Perniagaan Farhan bagi tahun berakhir 31 Disember 20X7.

	RM
Aset bukan semasa	160 000
Aset semasa	120 000
Liabiliti bukan semasa	80 000
Liabiliti semasa	40 000

Berapakah nisbah semasa?

- A 1:2
B 2:1
C 1:3
D 3:1

14. Pernyataan manakah yang menerangkan maksud kadar pusing ganti inventori?

- A Penjualan inventori dan perbelanjaan perniagaan
B Berapa kali inventori dinilai dalam satu tempoh perakaunan
C Berapa kali inventori digantikan dalam satu tempoh perakaunan
D Pusing ganti inventori yang tinggi dapat mengurangkan kos penyimpanan

20. Puan Mastura ialah seorang peniaga kain. Maklumat yang berikut diambil daripada buku akaun kedainya pada 31 Disember 20X9.

	RM
Jualan	64 000
Belian tunai	48 000
Belian kredit	36 400
Akaun belum bayar	5 000
Modal pada 1 Januari 20X9	90 000

Hitung tempoh pembayaran hutang.

- A 20 hari
B 29 hari
C 50 hari
D 65 hari

